

15 NOV 1997

RAKYAT DIMINTA "TUKAR SELERA" UNTUK SEKAT RINGGIT MENGALIR KELUAR

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berharap rakyat Malaysia dapat menukar selera mereka dengan membeli lebih banyak barangan keluaran tempatan bagi membantu negara menghadapi krisis mata wang dan menyekat pengaliran keluar wang negara.

Menteri berkenaan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob hari ini berkata tiada sebab rakyat kurang berminat untuk menggunakan barangan tempatan yang sememangnya bermutu tinggi.

"Duit kita memang banyak mengalir keluar seperti RM9 bilion untuk mengimport bahan makanan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kecemerlangan Sekolah Rendah Kebangsaan Selayang Baru (1) di sini.

Beliau mengulas saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam supaya masyarakat di Malaysia meningkatkan produktiviti dan membeli barangan tempatan dalam usaha menangani kesan buruk krisis mata wang.

Megat Junid juga mengucapkan tahniah kepada Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) kerana terpilih sebagai satu daripada 13 anggota majlis Pertubuhan Pengguna Antarabangsa.

Beliau berharap Presiden Fomca Prof Mohd Hamdan Adnan yang akan mewakili gabungan itu akan menggunakan pengalamannya dalam majlis berkenaan untuk memantapkan lagi budaya kepenggunaan di negara ini terutamanya pada peringkat negeri dan daerah. -- BERNAMA

MAM oba